

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95**

**APRIL 1995**

**RPK 558 - Perundangan dan Pentadbiran Perancangan**

**Masa : 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan: Soalan 1 adalah **WAJIB**. Pilih **DUA** soalan daripada Bahagian A dan **DUA** soalan daripada Bahagian B.

**Soalan 1 (WAJIB)**

1. Nilai sejauhmana keberkesanan undang-undang yang berkaitan dengan perancangan pemajuan bersabit dengan:
  - (a) menjamin penyertaan pihak-pihak yang berkenaan secara berkesan dalam proses membuat keputusan.
  - (b) melindungi perancangan tempatan daripada dipengaruhi oleh pekiling-pekiling kerajaan pusat.

( 20 markah )

**Bahagian A (Jawab DUA soalan)**

2. Bincangkan keperluan dan prosedur serta situasi pemajuan yang dikecualikan daripada permohonan kebenaran merancang mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa (1976).
3. Bincang dan bandingkan proses penyediaan dan kelulusan Pelan Bandar Am (General Town Plan) di bawah Enakmen Lembaga Bandaran Bab 137 dan Rancangan Pembangunan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (1976).
4. Apakah yang dimaksudkan sebagai pembangunan dan kebenaran merancang? Apakah perbezaan di antara sistem baru (Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) dengan sistem lama di bawah Enakmen Lembaga Bandaran Bab 137?

( 20 markah )

( 20 markah )

( 20 markah )

...2/-

5. Apakah peranan pihak berkuasa tempatan terhadap pemuliharaan? Bincangkan bagaimana beberapa Akta Malaysia dapat menolong mereka meimplimentasikannya.

( 20 markah )

**Bahagian B (Jawab DUA soalan)**

6. Terangkan dengan jelas peranan Unit Perancangan Ekonomi Negeri dan hubungannya dengan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam melaksanakan strategi-strateginya.

( 20 markah )

7. Kita sekarang berada dalam era teknologi maklumat yang berkembang dengan pesatnya. Beri pandangan anda bagaimana perkembangan ini akan memberi kesan ke atas pengurusan perancangan bandar dalam pihak berkuasa tempatan pada dekad akan datang.

( 20 markah )

8. Anda bertanggungjawab dalam kawalan pemajuan di Jabatan Perancangan di salah sebuah Majlis Perbandaran. Tulis satu teks penerangan untuk kegunaan orang ramai yang menyatakan dengan ringkas elemen-elemen penting dalam proses dan perkara-perkara asas yang perlu diketahui bagaimana jabatan anda menjalankan kawalan pemajuan.

( 20 markah )

oooOOooo